

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sumbangan KDNK dan jumlah pendapatan yang diperolehi daripada setiap negeri pada tahun 2019, 2020 dan anggaran 2021 dengan mengikut pecahan negeri. Apakah balasan balik untuk kedua-dua tahun ini kepada negeri-negeri tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Yang Berhormat, semua kutipan hasil yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan di negeri-negeri akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Ianya adalah selaras dengan Perkara 97, Perlembagaan Persekutuan di mana semua hasil yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah dimasukkan ke dalam satu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Disatukan.
2. Dana daripada Kumpulan Wang Disatukan sebahagian besarnya akan digunakan untuk membiayai keseluruhan Perbelanjaan Mengurus di mana sebahagian besar adalah bagi sektor pendidikan, kesihatan, ekonomi, keselamatan, sosial dan perkara-perkara melibatkan kesejahteraan rakyat. Komponen Perbelanjaan Mengurus termasuk emolumen, hutang, subsidi, pembelian ubat-ubatan dan penyelenggaraan aset Kerajaan. Manakala lebihan baki sekiranya ada akan digunakan untuk menampung sebahagian daripada Perbelanjaan Pembangunan seperti pembinaan hospital, sekolah, jalan raya dan penyediaan bekalan air bersih. Semua perbelanjaan tersebut dapat memberi manfaat dan faedah kepada rakyat.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, jawapan yang akan saya perincikan di sini terbahagi kepada tiga (3) bahagian. Yang pertama adalah berkenaan sumbangan KDNK negeri. Yang kedua adalah mengenai jumlah kutipan hasil Kerajaan Persekutuan di negeri dan yang ketiga adalah berkaitan balasan balik oleh Kerajaan Persekutuan kepada kesemua negeri bagi tahun 2019 dan 2020.
4. Merujuk kepada soalan pertama, Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Johor dan Sarawak merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara pada tahun 2019 hingga 2021. Negeri-negeri ini menyumbang sebanyak 59.7% kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) nasional pada tahun 2019 dan 59.4% pada tahun 2020, serta dijangka menyumbang sebanyak 59.2% pada tahun 2021.

5. Pada tahun 2019, Negeri Selangor menyumbang 24.2% kepada KDNK nasional, WP Kuala Lumpur 16.4%, Sarawak 9.6% dan Johor 9.4%. Pada tahun 2020 pula, Selangor menyumbang 24.3%, WP Kuala Lumpur 16.1%, Johor 9.5% dan Sarawak 9.5%. Manakala bagi tahun 2021, sumbangan Selangor kepada KDNK nasional dianggarkan sebanyak 24.2%, WP Kuala Lumpur 16.0%, Johor 9.5% dan Sarawak 9.5%.

6. Merujuk kepada soalan kedua pula, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hasil cukai kasar Kerajaan Persekutuan yang dikutip mengikut negeri bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM187.5 bilion, manakala kutipan tahun 2020 pula berjumlah RM161.8 bilion. Jumlah yang dilaporkan ini adalah kutipan cukai kasar kerana jumlah tersebut tidak mengambilkira tuntutan jumlah pulangan cukai. Kutipan ini juga tidak menggambarkan jumlah kutipan sebenar yang dihasilkan daripada negeri yang berkenaan. Perbezaan ini boleh berlaku kerana kutipan cukai dibuat berdasarkan alamat pembayar cukai yang terdapat di dalam rekod Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Misalnya, terdapat syarikat yang beroperasi di mana-mana negeri lain tetapi membayar cukai di Kuala Lumpur atau di tempat lain kerana ibu pejabat berada di sana.

7. Secara amnya, kutipan cukai tertinggi bagi tahun 2019 dan 2020 adalah daripada Wilayah Persekutuan dan diikuti dengan Selangor dan Johor. Kutipan hasil bagi tahun 2019 sebagai contoh ialah sebanyak RM113 bilion daripada Wilayah Persekutuan dan diikuti oleh Negeri Selangor dan Johor iaitu masing-masing sebanyak RM29.2 bilion dan RM10.8 bilion.

8. Berhubung dengan soalan yang ketiga pula, balasan balik yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri adalah melalui Pemberian Kerajaan Persekutuan dan juga peruntukan Perbelanjaan Pembangunan. Pemberian Kerajaan Persekutuan sebagaimana termaktub di dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang dan Akta adalah bagi membantu Kerajaan Negeri menguruskan hal ehwal kewangan dan operasi negeri manakala peruntukan

Perbelanjaan Pembangunan adalah bagi melaksanakan projek atau program kementerian di negeri-negeri. Jumlah balasan balik yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri pada tahun 2019 adalah berjumlah RM32.3 bilion manakala bagi tahun 2020 berjumlah RM28.6 bilion. Negeri Johor, Sabah dan Selangor antara yang menerima peruntukan yang tertinggi pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM5 bilion, RM4.9 bilion dan RM4.6 bilion. Untuk makluman Yang Berhormat, Negeri Pulau Pinang menerima peruntukan sebanyak RM1.2 bilion pada tahun 2019 dan RM1.0 bilion pada tahun 2020. Suka juga saya ingin menarik perhatian di sini, bahawa peruntukan yang dimaksudkan di sini tidak termasuk peruntukan di bawah Perbelanjaan Mengurus yang disediakan untuk membiayai belanja operasi jabatan/ agensi Kerajaan Persekutuan di negeri seperti sekolah, hospital, markas tentera dan seumpamanya.

9. Secara kesimpulannya, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk memastikan hasil yang diperolehi daripada semua negeri diagihkan semula kepada negeri-negeri berdasarkan keperluan dengan mengambil kira kedudukan kewangan negeri, tahap pembangunan, keadaan sosio ekonomi penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.